

28 DEC 1998

Kempen-Pemaju/I

PEMAJU HARAP DAPAT JUAL HARTANAH BERNILAI RM5 BILION

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Kempen Pemilikan Rumah selama sebulan dijangka mencatatkan jualan bernilai antara RM4 bilion dan RM5 bilion.

Presiden Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan Malaysia (HDAM) Datuk Eddy Chen berkata antara 40 dan 50 peratus daripada hartanah bernilai RM10 bilion yang ditawarkan semasa kempen itu dijangka dijual.

Kempen itu dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 12 Dis.

"Ada kira-kira 40,000 unit yang ditawarkan dan rumah meliputi 80 peratus," kata beliau kepada pemberita selepas Dr Mahathir merasmikan pameran hartanah sempena kempen itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Beliau berkata, sebanyak 403 pemaju yang menyertai kempen di seluruh negara itu, pertambahan daripada angka awal iaitu 178 pemaju dengan projek bernilai RM5.2 bilion, mendaftar sehari sebelum pelancaran pada 12 Dis.

Chen berkata pameran yang serupa akan diadakan pada akhir tahun dan HDAM juga bercadang untuk menjadikannya acara tahunan.

Kempen Pemilikan Rumah, yang dilancarkan oleh kerajaan dengan kerjasama Bank Negara, HDAM dan Persatuan Bank-bank Malaysia bertujuan untuk merangsangkan semula sektor hartanah sebagai sebahagian daripada usaha ke arah pemulihan ekonomi negara.

Insentif yang ditawarkan semasa tempoh kempen itu termasuk potongan harga antara 10 dan 20 peratus dan sehingga 95 peratus pembiayaan akhir oleh bank dan institusi kewangan.

Kerajaan juga telah melonggarkan syarat kelayakan pinjaman bagi kakitangan awam yang bertaraf tetap tetapi belum disahkan dalam jawatan.

Kakitangan awam yang berkhidmat hanya setahun juga layak memohon pinjaman perumahan kerajaan semasa tempoh kempen berkenaan.

Setakat ini, lebih 50,000 orang telah mengunjungi pameran itu yang akan berakhir pada Ahad.

"Biasanya, jualan agak lembap kerana cuti pada akhir tahun. Tetapi tahun ini, ini ialah bulan paling baik bagi semua pemaju," kata Chen.

-- BERNAMA

AR FAZ